



Children's  
SOCIETY

Caring for the Future



# PANDUAN KEIBUBAAPAN UNTUK BAYI

# Berkenaan Panduan Keibubapaan Ini

Seperti setiap ibu bapa lain, anda menyayangi anak anda dan menaruh harapan menjadi ibu atau bapa yang baik. Namun ada kalanya, anda mungkin kurang memahami kelakuan tertentu anak anda dan menjadi kurang pasti bagaimana hendak menguruskannya apabila dia berkelakuan sedemikian.

Panduan Keibubapaan untuk Bayi ini adalah yang pertama dalam siri panduan keibubapaan yang dihasilkan oleh Persatuan Kanak-Kanak Singapura. Panduan ini bertujuan memberi anda tip berguna bagi menjaga bayi anda, dari saat kelahirannya sehingga anak anda berusia setahun. Panduan selanjutnya akan memberi tumpuan kepada tip keibubapaan bagi kanak-kanak lebih dewasa dan di peringkat prasekolah.

Bagi ibu bapa baru, menjaga bayi boleh mendatangkan stres yang tinggi. Ini menambah kemungkinan anda menjadi kecewa atau cemas apabila anda gagal memahami kehendak bayi. Kami telah mengenal pasti enam senario, di mana menjaga bayi anda boleh menimbulkan keadaan yang mencabar dan turut menawarkan beberapa cadangan berkenaan apa yang boleh anda lakukan.

Kami berharap anda dapat memanfaatkan tip ini. Jika anda ingin membincangkan sebarang isu keibubapaan, sila e-mel kami di [info@children-society.org.sg](mailto:info@children-society.org.sg).

## Profesor Ho Lai Yun

Penasihat, Jawatankuasa Tetap Kajian dan Sokongan (RASC)

Naib pengerusi, Persatuan Kanak-Kanak Singapura

Profesor Ho Lai Yun ialah seorang Konsultan Emeritus di Hospital Besar Singapura dan di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kandang Kerbau.

Beliau juga seorang Profesor di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Sekolah Perubatan Siswazah Duke-NUS, serta Pengarah Program Pembangunan Kanak-Kanak di Kementerian Kesihatan.

# Kandungan

2

Bayi saya tidak berhenti menangis

4

Bayi saya suka menggigit-gigit

6

Bayi saya tidak suka disalinkan lampin

8

Bayi saya berjaga sepanjang malam

10

Bayi saya tidak gemar mandi

12

Bayi saya muntah sewaktu makan



# BAYI SAYA TIDAK BERHENTI MENANGIS




## Kenapa?

Semua bayi menangis dan ini merupakan cara mereka berkomunikasi dengan anda. Anda akan mempelajari secara bertahap maksud setiap tangisan. Bayi yang baru dilahirkan selalunya berhenti menangis setelah diberi makan.

Bayi mungkin:

- tidak selesa
- lapar
- inginkan perhatian anda

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN



Periksa jika lampin basah




Dodoi bayi untuk  
menenangkannya



Beri bayi makan



Jika tangisan bayi nyaring dan kuat, dan tidak boleh dipujuk, dia mungkin dalam kesakitan. Bawa bayi anda berjumpa doktor.





# BAYI SAYA SUKA MENGGIGIT-GIGIT

## Kenapa?

Ini merupakan fasa perkembangan yang normal. Gusi bayi akan berasa gatal dan sakit sewaktu tumbuh gigi, oleh itu dia akan mula menggigit tangannya, mainan dan perabot.

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?



Berikan gelang gigit (teething ring) untuk melegakan bayi. Jauhkan objek yang anda ingin elakkan daripada dimasukkan ke dalam mulut bayi.

Alih perhatian bayi, contohnya dengan membaca kepadanya. Membenarkannya bermain dengan mainan atau mengajaknya bersiar-siar





# BAYI SAYA TIDAK SUKA DISALINKAN LAMPIN


Kenapa?

Bayi sukar untuk duduk diam, terutama sewaktu mereka sedang belajar untuk berguling, duduk atau merangkak.



# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?

Pastikan bayi tidak berbaring di atas sebarang objek yang boleh membuatnya kurang selesa



Berikan bayi mainan kegemarannya untuk mengambil perhatiannya



Bertenang dan jangan bergelut dengan bayi anda

Berbual atau menyanyi untuk bayi anda supaya dapat mengalih perhatiannya.





# BAYI SAYA BERJAGA SEPANJANG MALAM

**Kenapa?**

Bayi sedang:

- Penat
- Lapar
- Ingin perhatian anda

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?

Tambah secara beransur-ansur sukatan makanan yang diberikan kepada bayi anda pada waktu siang hari supaya makanan malam dapat dikurangkan



Bantu bayi bertenang sebelum waktu tidur dengan menyediakan rutin menyelesaikan seperti menanyi atau membaca. Kurangkan bunyi bising atau aktiviti

Tepuk belakang bayi, dodoikannya dan sebutkan kata-kata yang menenangkan untuk menidurkannya



Elak menidurkan bayi pada lewat tengah hari

# BAYI SAYA TIDAK GEMAR MANDI

## Kenapa?

Bayi:

- Berasa kurang selamat kerana mungkin pernah mengalami pengalaman buruk semasa mandi
- Tidak gemar air kerana terlalu panas atau terlalu sejuk
- Tidak gemar basah
- Tidak gemar akan proses mandi yang panjang



# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?

Buat bayi anda berasa selamat dan selesa dengan membenarkannya bermain dengan air mandian


Berikan bayi anda bermain dengan mainan di dalam tab mandi



Periksa suhu air dengan siku anda dan sapukan bayi dengan air mandian itu supaya dia sedia untuk mandi

3:00	Feeding Time
4:00	Bathing!
5:00	Playtime!
6:00	Feeding Time
9:00	Feeding Time

Reka sebuah rutin mandi




# BAYI SAYA MUNTAH SEWAKTU MAKAN

## Kenapa?

- Injap di antara saluran pemakanan (esofagus) dan perut belum berkembang sepenuhnya.
- Bayi menelan angin sewaktu makan dan susu terkluar bersama angin tersebut apabila sendawa.

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?



Selepas makan, tegakkan badan bayi anda buat seketika dan elakkan memandikan bayi seurus itu.



Sendawakan bayi anda beberapa kali sewaktu makan.



Kurangkan setiap suapan untuk bayi



Elakkan tekanan pada bahagian perut bayi.

# MENGENAI PERSATUAN KANAK-KANAK SINGAPURA

Persatuan Kanak-kanak Singapura telah memainkan peranan yang bermakna kepada kanak-kanak, belia dan keluarga yang kurang bernasib baik di Singapura sejak 1952. Kami merupakan pertubuhan yang bebas dan tidak meraih keuntungan yang bergantung terutamanya kepada sokongan masyarakat bagi menjayakan kebanyakan program kami, termasuk usaha-usaha dalam pendidikan awam misalnya Buku Panduan Keibubapaan ini.

Jika anda mendapati Buku Panduan ini berguna dan ingin memberi sumbangan untuk menjayakan program-program kami, sila isikan butiran peribadi dan derma anda di halaman berikutnya dan hantarkan kepada kami di alamat:

Persatuan Kanak-kanak Singapura  
(Singapore Children's Society)  
Nombor 298 Tiong Bahru Road  
#09-05 Central Plaza  
Singapura 168730

Sumbangan anda akan membantu kami menyentuh kehidupan kanak-kanak dan belia yang memerlukan bantuan. Ia juga membantu kami meneruskan perjuangan mendatangkan sedikit kelegaan dan kebahagiaan kepada kanak-kanak yang memerlukannya.



# BUTIR-BUTIR PERIBADI

Ya, saya mahu menderma

One-time donation

Monthly donation

## DERMA INDIVIDU

Nama

No. Kad Pengenalan/FIN

Tarikh Lahir

(Sila catatkan no. kad pengenalan anda untuk keperluan potongan bagi cukai pemerintah)

## DERMA KORPORAT

Nama Syarikat

No. ROB/ROC

Orang Yang Harus  
Dihubungi

## BUTIR-BUTIR KONTAK

Alamat

Kod Pos

No. Tel.

Tel. Bimbit

E-mel

Mulai 1 Januari 2011, bagi memenuhi keperluan pihak cukai/IRAS, kami memerlukan nombor kad pengenalan anda untuk membantu anda mendapat potongan cukai daripada derma anda.

# BUTIR-BUTIR DERMA

Saya sertakan Cek/PO/MO yang ditujukan kepada Singapore Children's Society

No. cek:

Sila potong daripada kad debit saya

Visa / Mastercard / American Express

No. Kad

Tarikh Mansuh  -

\_\_\_\_\_  
Tanda tangan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

Saya mahu menderma melalui GIRO, harap hantar kepada saya borang GIRO.

Saya mahu melanggan risalah 'Sunbeam' – risalah 3 bulan sekali Persatuan

Kanak-kanak Singapura

Persatuan Kanak-Kanak Singapura adalah institusi bertaraf awam atau Institution of Public Charter. Semua derma tempatan dibolehkan mendapat manfaat pengecualian cukai sebanyak 2.5 kali ganda. Untuk keterangan lanjut mengenai kami, sila lungsuri laman web kami di [www.childrensociety.org.sg](http://www.childrensociety.org.sg)

Jika anda ada sebarang maklum balas, sila hubungi kami di talian 6273 2010 atau di [info@childrensociety.org.sg](mailto:info@childrensociety.org.sg).

Terima kasih di atas sokongan anda!

# TAJUK-TAJUK LAIN DALAM SIRI BUKU PANDUAN KEIBUBAAPAN

(BOLEH DIMUAT TURUN DARIPADA [HTTP://CHILDRENSOCIETY.ORG.SG](http://CHILDRENSOCIETY.ORG.SG))




## BUKU PANDUAN KEIBUBAAPAN MENGENAI BAYI

Buku ini merupakan yang pertama dalam siri buku panduan keibubapaan kami. Buku panduan ini bertujuan memberi ibu bapa tip berguna mengenai cara-cara tentang bagaimana menjaga bayi mereka dari sejak dilahirkan sehingga berumur satu tahun.

## BUKU PANDUAN KEIBUBAAPAN MENGENAI KANAK-KANAK

Buku panduan kedua dalam siri keibubapaan kami membantu ibu bapa supaya memahami kelakuan anak-anak kecil mereka dari umur setahun sehingga tiga tahun. Buku panduan ini menyarankan kepada ibu bapa bagaimana mereka boleh menguruskan anak mereka yang berkelakuan buruk.

Tajuk-tajuk dalam buku panduan ini termasuk 'Anak saya tidak boleh duduk diam', 'Anak saya tidak mahu mendengar kata' dan 'Anak saya kasar'.



## PANDUAN KEIBUBAAPAN BAGI PERINGKAT PRASEKOLAH

(BOLEH DIDAPATI DALAM BAHASA INGGERIS, CINA DAN MELAYU)

Melalui lukisan-lukisan yang santai dan mudah difahami, buku panduan mengenai kanak-kanak prasekolah ini memberi Tip kepada ibu bapa tentang bagaimana ibu bapa boleh menguruskan beberapa keadaan yang menyusahkan perhubungan dengan anak-anak prasekolah mereka. Kanak-kanak ini berumur di antara empat sehingga enam tahun, dan buku panduan ini menerangkan mengapa seseorang anak itu berperangai tertentu.

Tajuk-tajuk dalam buku panduan ini termasuk 'Anak saya memerlukan perhatian saya sepanjang masa', 'Anak saya tidak dapat menumpukan perhatian' dan 'Anak saya berbohong'.



Anda boleh juga melungsur laman-laman web ini dalam meniti kehidupan sebagai ibu bapa:

**Laman web kecil mengenai Pencegahan Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-Kanak**

<http://preventchildabuse.childrensociety.org.sg>

**Panduan e-CSEW**

<http://csewdirectory.childrensociety.org.sg>

**Kami berharap tip dalam buku panduan ini berguna apabila anda kurang pasti bagaimana menguruskan bayi anda.**

**Yang paling penting, anda seronok meniti kehidupan anda sebagai ibu bapa kerana ibu bapa yang bahagia akan membahagiakan anak-anak mereka.**

**Kami ingin mengucapkan rasa terima kasih dan penghargaan kami kepada para sukarelawan dan para anggota Jawatankuasa Tetap Penyelidikan dan Sokongan (RSAC) kami, terutamanya Puan Maria Shiu, kerana bantuan dan nasihat mereka dalam menjadikan kenyataan buku panduan ini.**

Terima kasih juga kepada Yayasan MENDAKI untuk terjemahan bahasa Melayu dalam panduan ini.

Diterbitkan oleh

Persatuan Kanak-Kanak Singapura  
(Singapore Children's Society)  
Research and Outreach Centre  
9 Bishan Place, Junction 8, #05-02  
Singapura 579837  
Tel: 6358 0911 Faks: 6358 0936  
info@childrensociety.org.sg  
www.childrensociety.org.sg

Disember 2017